

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENYERTAI CABUTAN UNDI MPKj BIL.1/2025
JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI, MAJLIS PERBANDARAN KAJANG**

1. Terbuka kepada semua syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), kod bidang 221002 dan mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat serta Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia yang masih dalam tempoh sah laku.
2. Ada Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih aktif.
3. Ada Sijil Pengesahan Pendaftaran Syarikat dengan Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor.
4. Pihak kontraktor yang mempunyai lantikan kerja-kerja/bekalan/perkhidmatan sepanjang tahun 2025 di Jabatan Landskap dan Rekreasi MPKj adalah tidak layak untuk menyertai cabutan undi ini.
5. Hanya penama/pemilik yang sah seperti yang tertera dalam Sijil Perakuan Pendaftaran sahaja boleh hadir membuat permohonan. Wakil syarikat adalah tidak dibenarkan. Pihak MPKj berhak menolak permohonan sekiranya didapati maklumat tersebut adalah palsu serta membatalkan penyertaan jika pemohon mewakili pihak lain.
6. Syarikat yang telah menghantar maklumat pendaftaran secara bersemuka adalah bersetuju dan mengaku bahawa semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Sekiranya didapati maklumat yang diberikan adalah palsu, syarikat tersebut adalah tidak layak untuk disenaraikan dan tidak layak untuk mendapat kerja dalam proses cabutan undi ini.
7. Syarikat yang layak ke peringkat cabutan undi akan dimaklumkan semasa sesi pendaftaran. Tapisan akan dibuat pada hari dan masa yang sama serta jika layak dan berminat, pemilik syarikat diwajibkan hadir ke sesi cabutan undi pada sebelah petang.

Pendaftaran proses cabutan undi akan diadakan pada ketetapan berikut:

Tarikh: 10 Disember 2025 (Rabu),
Masa: 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Pendaftaran hanya secara bersemuka.

Pautan bagi borang pendaftaran boleh diperoleh di laman sesawang **www.mpkj.gov.my** bermula 5 Disember 2025.